

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 25/09/2007

Abdullah cadang sekolah satu sesi

KUALA LUMPUR 24 Sept. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mencadangkan diwujudkan sekolah satu sesi yang tempohnya dipanjangkan sehingga pukul empat petang bagi mengatasi masalah anak-anak bersendirian tanpa pengawasan ibu bapa.

Perdana Menteri berkata, langkah itu sekiranya dilaksanakan akan memberi kelegaan kepada ibu bapa yang bekerja kerana mereka berpeluang menjemput sendiri anak-anak pulang dari sekolah.

"Idea ini baru terlintas dalam fikiran saya, Datuk Hisham (Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein). Ini satu kemungkinan, bukan arahan, supaya sekolah masuk pada waktu yang biasa pada sebelah pagi tetapi (sesi) tengah hari itu dipanjangkan sampai pukul 4 petang.

UM- 25/9/2007
"Apabila pelajaran harian sudah habis, masa yang tinggal tiga atau empat jam lagi dapat digunakan untuk kegiatan kokurikulum dan lain-lain aktiviti.

"Kerja sekolah yang diberikan guru juga boleh dibuat di situ, tidak payah buat di rumah," katanya selepas mempeugerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO (MT) di sini hari ini.

Beliau berkata, cadangan itu diharap dapat membendung kejadian jenayah seperti yang menimpa Nurin Jazlin Jazimin, 8, daripada berulang kepada kanak-kanak lain yang tidak berdosa.

Selain itu, kata Abdullah, mesyuarat MT hari ini yang turut membincangkan kes Nurin Jazlin telah mencadangkan program Rukun Tetangga diaktifkan semula supaya kawasan perumahan sentiasa diawasi terutama jika ia dimasuki

orang tidak dikenali.

Katanya, langkah itu selaras dengan pandangan MT bahawa kombinasi pelbagai cara perlu digunakan bagi mengatasi masalah jenayah dan ia harus melibatkan seluruh rakyat sehingga ke peringkat akar umbi.

"Ini bukan bermakna segala masalah akan selesai. Tetapi kalau kita mahu ia berkurangan, mungkin ke tahap tidak akan berlaku lagi, maka kita mesti melaksanakan tanggungjawab masing-masing supaya keadaan akan menjadi lebih baik lagi, insya-Allah.

Mengenai cadangan supaya tindakan mahkamah diambil terhadap ibu bapa yang hilang anak kerana cuai, Abdullah berkata, tindakan undang-undang seperti itu susah untuk dikuatkuasakan kerana kebanyakan ibu bapa bekerja.